

## **TATAURUSAN TABUNG DERMA CIPTA DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA**

### **1. NAMA**

1.1 Nama kumpulan wang ini ialah **Tabung Derma Cipta Dewan**.

### **2. PENUBUHAN**

2.1 Tabung Derma Cipta Dewan telah ditubuhkan dengan persetujuan Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka dalam Mesyuarat Lembaga Pengelola Ke-86 pada 8 Disember 1980, mengikut kuasa yang diperuntukkan dalam Seksyen 7, Akta Dewan Bahasa dan Pustaka 1959.

### **3. ALAMAT**

3.1 Alamat Urus Setia Tabung Derma Cipta Dewan ialah Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik, Jabatan Dasar dan Penyelidikan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Jalan Dewan Bahasa, 50460 Kuala Lumpur.

### **4. TAFSIRAN**

4.1 Dalam Tataurusan ini, perkataan yang terdapat dalam lajur pertama di bawah ini, sekiranya digunakan sebelum ini atau digunakan lagi seterusnya, hendaklah membawa makna seperti yang dinyatakan dalam lajur kedua, melainkan jika perkataan tersebut digunakan dalam konteks yang berlainan:

- a. **TABUNG DERMA  
CIPTA DEWAN** : Tabung Derma Cipta Dewan  
Dewan Bahasa dan Pustaka.
- b. **DBP/Dewan** : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- c. **Tataurusan** : Tataurusan ini sebagaimana yang  
digubal pada asalnya atau  
sebagaimana yang dipinda dari  
semasa ke semasa.

- d. Alamat : Alamat Urus Setia Tabung Derma Cipta Dewan seperti yang sekarang ini.
- e. Projek : Projek termasuklah apa-apa juga projek penyelidikan dalam bidang bahasa, sastera dan penerbitan; atau penulisan dalam pelbagai bentuk; atau projek-projek lain dalam bidang bahasa, sastera dan budaya yang berbentuk persembahan, seminar, produksi, audio-visual dan sebagainya yang bersesuaian dengan matlamat Dewan, sama ada yang dilaksanakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka ataupun pihak lain.
- f. Panel Penasihat : Panel Penasihat Tabung Derma Cipta, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- g. Jawatankuasa Pelaksana : Jawatankuasa Pelaksana Tabung Derma Cipta, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- h. Penulis : Orang, institusi atau badan yang menghasilkan karya dalam bentuk kreatif, umum dan/atau ilmiah.
- i. Pemohon : Orang, institusi atau badan yang mengemukakan permohonan untuk mendapatkan bantuan Tabung Derma Cipta.
- j. Penerima : Orang, institusi atau badan yang menerima bantuan Tabung Derma Cipta.

## 5. TUJUAN

5.1 Tabung Derma Cipta ini bertujuan untuk:

- a. Mengumpulkan dana bagi membiayai pelaksanaan projek.

- b. Membolehkan mana-mana badan atau institusi awam dan swasta, atau individu sama-sama menyumbang bagi membiayai projek.
- c. Membantu orang, badan atau institusi untuk melaksanakan projek, atau menghasilkan karya bagi meningkatkan khazanah ilmu dan persuratan sesuai dengan matlamat penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka.

## **6. SUMBER KEWANGAN**

- 6.1 Sumber kewangan Tabung Derma Cipta Dewan ini terdiri daripada sumbangan dan derma daripada kerajaan, badan kerajaan atau separuh kerajaan (Persekutuan atau Negeri), badan swasta, atau sebarang institusi atau pertubuhan setempat atau asing atau orang perseorangan yang dibenarkan oleh kerajaan.
- 6.2 Hasil yang diperoleh daripada apa-apa projek yang berkaitan dengan maksud Tabung Derma Cipta Dewan ini.

## **7. KATEGORI TABUNG DERMA CIPTA DEWAN**

- 7.1 Tabung Derma Cipta Dewan ini terbahagi kepada dua kategori, iaitu:
  - a. Kategori Umum yang dananya boleh digunakan untuk membiayai mana-mana projek yang difikirkan sesuai oleh Jawatankuasa Pelaksana Tabung.
  - b. Kategori Khusus yang dananya digunakan untuk projek-projek yang ditentukan sendiri oleh penderma dan tidak bercanggah dengan objektif Tabung.
  - c. Mana-mana lebihan dana, sama ada daripada Kategori Umum atau Kategori Khusus, boleh digunakan untuk membiayai mana-mana projek yang difikirkan sesuai oleh Jawatankuasa Pelaksana Tabung selepas mendapat izin daripada penderma.

## **8. PENGHARGAAN KEPADA PENDERMA ATAU PENYUMBANG**

- 8.1 Setiap nama penderma atau penyumbang akan dicatatkan dalam buku laporan Tabung Derma Cipta Dewan serta buku laporan tahunan DBP pada tahun berikutnya.

- 8.2 Segala derma atau sumbangan kepada Tabung Derma Cipta Dewan ini akan mendapat pengecualian cukai pendapatan sebagaimana yang diwartakan dalam Warta Kerajaan Bil. 3834, bertarikh 8 Julai 1982.
- 8.3 Nama penderma akan disebut dalam hasil penyelidikan atau sebarang program yang dianjurkan dengan menggunakan wang Tabung Derma Cipta Dewan.

## **9. BANTUAN TABUNG DERMA CIPTA DEWAN**

- 9.1 Wang bantuan Tabung Derma Cipta Dewan akan dibayar kepada penerima secara berperingkat-peringkat mengikut kemajuan projek.
- 9.2 Penerima hendaklah menandatangani perjanjian dengan DBP sebelum bantuan diberikan.

## **10. PENERIMA DERMA CIPTA DEWAN**

- 10.1 Penerima bantuan Tabung Derma Cipta Dewan boleh ditentukan oleh Jawatankuasa Pelaksana dengan cara:
- a. Mempertimbangkan permohonan yang diterima daripada individu, institusi atau badan.
  - b. Mengenal pasti individu atau badan yang difikirkan sesuai untuk melaksanakan sesuatu projek.

## **11. TANGGUNGJAWAB PENERIMA**

Tanggungjawab penerima bantuan Tabung Derma Cipta Dewan adalah seperti yang berikut:

- 11.1 Menandatangani surat pengakuan kerja yang mengandungi beberapa syarat dan perkara yang perlu dipatuhi oleh penerima.
- 11.2 Menyiapkan projek yang telah dirancang dan dipersetujui oleh Jawatankuasa Pelaksana Tabung Derma Cipta Dewan dalam tempoh yang ditetapkan.
- 11.3 Memastikan bahawa karya yang dihasilkannya benar-benar bermutu dan menepati mutu penilaian karya seperti yang ditetapkan oleh DBP.

- 11.4 Menghasilkan hasil karya asli; DBP berhak menolak karya ciplak dan karya saduran daripada karya asli.
- 11.5 Bersetuju untuk membayar kembali ganti rugi yang ditanggung oleh DBP akibat daripada kecuaiian, kesilapan, kealpaan, penipuan, dan penjiplakan atau apabila penerima melanggar sebarang peruntukan undang-undang yang berhubung dengan penghasilan karya.
- 11.6 Menyediakan laporan projek.

## **12. PENERBITAN**

- 12.1 Jika projek yang diusahakan berbentuk penulisan, maka karya ciptaan penerima yang dibiayai oleh Tabung Derma Cipta Dewan hendaklah diterbitkan oleh DBP, melainkan DBP tidak berhasrat untuk menerbitkan karya tersebut.
- 12.2 Keizinan bertulis hendaklah diperoleh daripada DBP sekiranya penerima berhasrat untuk melantik penerbit lain.
- 12.3 Sekiranya DBP tidak berhajat menerbitkan karyanya, maka karya itu bolehlah diterbitkan oleh penerbit lain. Akan tetapi, pada halaman hak cipta buku dan/atau monograf tersebut, hendaklah dicatatkan bahawa penulisnya telah mendapat bantuan Tabung Derma Cipta Dewan sewaktu mengusahakan buku dan/atau monograf berkenaan.

## **13. PROJEK BUKAN PENERBITAN**

- 13.1 Program atau aktiviti bahasa, sastera dan budaya yang sesuai, seperti penyelidikan ilmiah, seminar, persidangan, pameran dan persembahan dan produksi kesenian, kebudayaan atau seumpamanya.
- 13.2 Memberikan penghargaan dengan mencatatkan nama Derma Cipta Dewan dalam projek yang dilaksanakan.

## **14. HAK CIPTA**

- 14.1 Hak cipta bagi sebarang karya penerima yang diterbitkan oleh DBP dipegang oleh penulisnya sendiri. DBP diberi kuasa mutlak untuk mentadbir hak cipta karya tersebut.

- 14.2 Hak cipta bagi sebarang karya penerima yang bukan diterbitkan oleh DBP, terserahlah kepada persetujuan bersama antara penulis dengan penerbit berkenaan. Penerima bertanggungjawab untuk memaklumkan persetujuan tersebut kepada DBP.
- 14.3 Walau apa pun yang diperuntukkan dalam perkara 14.1 dan 14.2 di atas, sebarang persetujuan hendaklah mematuhi segala peruntukan yang diberikan dalam Akta Hak Cipta 1969 dan segala pindaan yang berikutnya.

## **15. ROYALTI DAN HONORARIUM**

- 15.1 Jika karya diterbitkan oleh DBP, maka Penerima akan dibayar royalti atau honorarium pada kadar yang ditetapkan oleh DBP.

## **16. PANEL PENASIHAT TABUNG DERMA CIPTA DEWAN**

Sebuah Panel Penasihat diwujudkan dengan keahlian terdiri daripada yang berikut:

- 16.1 Pengerusi  
Ahli Lembaga Pengelola yang dilantik oleh Lembaga.
- 16.2 Ahli  
Empat (4) orang ahli yang terdiri daripada dua (2) orang Ahli Lembaga Pengelola dan dua orang individu lain yang dilantik oleh Lembaga.
- 16.3 Ahli Undangan  
Mana-mana individu yang difikirkan perlu mengikut projek atau keperluan dari semasa ke semasa

## **17. KUASA DAN TANGGUNGJAWAB PANEL PENASIHAT TABUNG DERMA CIPTA DEWAN**

- 17.1 Memberi nasihat dan pandangan kepada Jawatankuasa Pelaksana Tabung berhubung pengendalian dan pengurusan Tabung.
- 17.2 Memantau dan memastikan Tabung Derma Cipta Dewan diuruskan selaras dengan tatacara dan matlamat pewujudannya.

17.3 Menerima dan mengesahkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Tabung Derma Cipta Dewan.

## **18. TATACARA MESYUARAT PANEL PENASIHAT TABUNG DERMA CIPTA DEWAN**

18.1 Bilangan cukup kuorum Mesyuarat Panel Penasihat Tabung Derma Cipta Dewan ialah tiga orang ahli, termasuk pengerusi atau pengerusi mesyuarat.

18.2 Mesyuarat Panel Penasihat Tabung Derma Cipta Dewan hendaklah diadakan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh Pengerusi dan sekurang-kurangnya sekali setahun atau atas permintaan separuh daripada bilangan ahli.

18.3 Jika Pengerusi tidak dapat hadir, beliau hendaklah mewakilkan kuasanya kepada mana-mana ahli Panel Penasihat Tabung Derma Cipta Dewan ataupun ahli Panel Penasihat Tabung Derma Cipta Dewan melantik salah seorang daripada mereka untuk menjadi pengerusi.

18.4 Pemberitahuan untuk mengadakan mesyuarat biasa hendaklah dimaklumkan kepada ahli sekurang-kurangnya empat belas hari sebelum mesyuarat.

18.5 Setiausaha hendaklah mengedarkan agenda dan semua kertas serta dokumen berkenaan dengan perkara berbangkit daripada mesyuarat sebelumnya kepada tiap-tiap ahli selewat-lewatnya satu (1) minggu sebelum mesyuarat.

18.6 Minit tiap-tiap mesyuarat hendaklah diedarkan kepada semua ahli dalam tempoh 14 hari dari tarikh mesyuarat diadakan. Minit mesyuarat hendaklah juga disampaikan kepada Pengerusi Lembaga.

## **19. JAWATANKUASA PELAKSANA TABUNG DERMA CIPTA DEWAN**

19.1 Jawatankuasa Pelaksana hendaklah terdiri daripada yang berikut:

- a. Pengerusi : Ketua Pengarah DBP
- b. Timbalan Pengerusi : Timbalan Ketua Pengarah (Dasar)

- c. Bendahari : Ketua Bahagian Kewangan dan Bekalan
- d. Setiausaha : Ketua Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik
- e. Ahli : Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
  - : Pengarah Jabatan Dasar dan Penyelidikan
  - : Pengarah Jabatan Pembinaan Bahasa dan Sastera
  - : Pengarah Jabatan Pengembangan Bahasa dan Sastera
  - : Pengarah Jabatan Penerbitan
  - : Ketua Bahagian Undang-undang

## **20. TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA PELAKSANA**

20.1 Jawatankuasa Pelaksana hendaklah menjalankan tanggungjawab yang berikut:

- a. Mencari dan mengumpul wang sumbangan atau derma, dan merancang belanjawan untuk Tabung Derma Cipta Dewan.
- b. Membuat ketetapan dan mengatur rancangan untuk melaksanakan tujuan Tabung Derma Cipta Dewan.
- c. Melaksanakan segala keputusan yang telah diambil dalam mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana.

## **21. KUASA JAWATANKUASA PELAKSANA**

21.1 Mewujudkan Jawatankuasa Kecil yang difikirkan perlu untuk melicinkan perjalanan Tabung Derma Cipta Dewan, menetapkan tugasnya dan membubarkannya apabila difikirkan perlu.

21.2 Melantik orang yang difikirkan sesuai untuk mengisi atau memangku mana-mana kekosongan keahlian dalam Jawatankuasa Pelaksana.

21.3 Menimbang, menapis dan memilih penerima Tabung Derma Cipta Dewan.

21.4 Melantik pakar perunding dalam bidang-bidang tertentu.



- 21.5 Menambah dan melanjutkan bantuan Tabung Derma Cipta Dewan kepada Penerima sekiranya difikirkan perlu.
- 21.6 Membatalkan atau menamatkan bantuan Tabung Derma Cipta Dewan kepada Penerima sekiranya Penerima melanggar mana-mana peruntukan Tataurusan ini atau mana-mana syarat atau peraturan yang ditetapkan, atau tidak lagi sanggup untuk meneruskan tanggungjawabnya bersesuaian dengan perjanjian yang ditandatangani dengan DBP.
- 21.7 Menetapkan atau mengenalkan apa-apa peraturan dan syarat lain yang difikirkan sesuai bagi mentadbir, melaksanakan, dan melicinkan Tataurusan ini dari semasa ke semasa.

## **22. MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANA**

- 22.1 Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana hendaklah diadakan sekurang-kurangnya 2 kali setahun tetapi hendaklah diadakan sekali setiap 6 bulan. Pemberitahuan untuk mengadakan mesyuarat dan kertas-kertas mesyuarat hendaklah dikirimkan kepada ahli oleh Setiausaha sekurang-kurangnya satu (1) minggu sebelum tarikh mesyuarat.
- 22.2 Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana hendaklah dipengerusikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana Tabung Derma Cipta Dewan.
- 22.3 Bilangan cukup kuorum mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana ialah dua pertiga (2/3) daripada jumlah semua ahli Jawatankuasa Pelaksana.
- 22.4 Sebarang keputusan hendaklah dibuat secara majoriti.

## **23. KUASA DAN TANGGUNGJAWAB SETIAP AHLI JAWATANKUASA PELAKSANA**

- 23.1 Pengerusi:
  - a. Menjadi Pengerusi semua mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana.
  - b. Menjadi jurucakap utama tentang semua hal yang berhubung dengan Tabung Derma Cipta Dewan.
  - c. Menugaskan Setiausaha memanggil mesyuarat seperti yang diperuntukkan dalam para 22.1 dan 22.2.

- d. Meluluskan permohonan penggunaan dana Tabung Derma Cipta Dewan.
- e. Meluluskan bayaran daripada Tabung Derma Cipta Dewan setelah disahkan oleh Ketua Jabatan/Bahagian berkenaan dengan projek.

#### 23.2 Setiausaha:

- a. Menyimpan segala rekod dan minit mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana.
- b. Menguruskan surat-menyurat rasmi Jawatankuasa Pelaksana.
- c. Menyiapkan segala minit dan kertas mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana dan mengedarkannya kepada semua ahli.
- d. Menyiapkan bahan mengenai Tabung Derma Cipta Dewan untuk dimuatkan dalam Laporan Tahunan DBP serta buku laporan Tabung Derma Cipta Dewan.
- e. Menyediakan laporan projek berserta penyata kewangannya.
- f. Mengaturkan urusan temu duga dengan para pemohon dan penerima.

#### 23.3 Bendahari:

- a. Menyimpan kira-kira kewangan Tabung Derma Cipta Dewan.
- b. Menjelaskan segala tuntutan yang sah, yang telah diluluskan oleh mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana.
- c. Menyiapkan dan mengemukakan penyata kewangan Tabung Derma Cipta Dewan kepada Jawatankuasa Pelaksana bagi tempoh tahun kewangan Tabung Derma Cipta Dewan.

Tempoh tahun kewangan bagi Tabung Derma Cipta Dewan hendaklah bermula pada 1 Januari dan berakhir pada 31 Disember tiap-tiap tahun.

- d. Mengemukakan laporan Penyata Kewangan Tabung Derma Cipta Dewan bersama-sama dengan laporan akaun DBP yang telah diaudit kepada Ketua Pegawai Eksekutif, Jabatan Hasil Dalam Negeri, Malaysia, setahun sekali.

- e. Mengawal selia urusan sumbangan Tabung Derma Cipta Dewan, penerima sumbangan Tabung Derma Cipta Dewan dan segala urusan kewangan Tabung Derma Cipta Dewan.

23.4 Ahli-ahli Jawatankuasa Pelaksana yang lain:

- a. Menjalankan segala tugas yang diberikan oleh Jawatankuasa Pelaksana dari semasa ke semasa.
- b. Menghadiri semua mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana.

## **24. PENGURUSAN PENTADBIRAN**

- 24.1 Segala urusan pentadbiran Tabung Derma Cipta Dewan hendaklah dikendalikan oleh Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik, Jabatan Dasar dan Penyelidikan, Dewan Bahasa dan Pustaka.

## **25. PENGURUSAN KEWANGAN**

- 25.1 Segala urusan kewangan Tabung Derma Cipta Dewan ini hendaklah dikendalikan melalui satu akaun khas yang diwujudkan dalam akaun Dewan.

## **26. PINDAAN**

- 26.1 Apa-apa pindaan kepada Tataurusan Tabung Derma Cipta Dewan ini mestilah terlebih dahulu mendapat kebenaran daripada Ketua Pegawai Eksekutif, Jabatan Hasil Dalam Negeri, Malaysia.

## **27. PEMBUBARAN**

- 27.1 Sekiranya Tabung Derma Cipta ini dibubarkan, baki wang yang ada, setelah semua hutang yang sah di sisi undang-undang dan tanggungan dibayar semasa pembubaran, akan didermakan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka.